

Majlis Penyampaian Sumbangan Banjir dan Pra Pelancaran Perancangan Strategik 2011-2015



KANGAR, 7 Januari 2011 - Bencana banjir yang melanda negeri-negeri utara tanahair pada November 2010 lalu telah menyebabkan berbagai kerosakan dan lebih 15,000 warga Perlis telah dipindahkan ke pusat pemindahan termasuklah kakitangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Atas dasar kemanusiaan dan prihatin kepada kakitangannya yang terlibat banjir tersebut, UniMAP telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Banjir kepada 440 kakitangannya yang menjadi mangsa banjir.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, "UniMAP sememangnya mencuba sedaya-upaya untuk membantu meringankan beban kakitangan yang terlibat dalam bencana tersebut dan saya amat berharap agar pertolongan yang tidak seberapa ini akan dapat membantu mereka."

"Pada masa yang sama, saya berasa amat berbangga kerana walaupun dilanda kesusahan, warga UniMAP masih mampu untuk memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan melalui aktiviti CSR di Hospital Tengku Fauziah dan Sekolah Kebangsaan Sena pada 8 dan 9 November 2010 lalu," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Banjir dan Pra Pelancaran Perancangan Strategik 2011-2015.

Pada majlis yang sama, beliau juga menyempurnakan Pra Pelancaran Perancangan Strategik 2011-2015. Menurut beliau, penetapan matlamat dan hala tuju UniMAP untuk 2011-2015 tidak menyimpang jauh dari misi nasional kerana ia masih mengambil kira pentingnya NKRA, peruntukan dan pembangunan RMK-10 serta Model Ekonomi Baru (MEB). Tema 'Keterlihatan Antarabangsa Yang Menyerlah' atau Illuminating International Visibility menjadi pemangkin ke arah mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk menjadikan UniMAP sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang terkenal di seluruh dunia.